



Anwar melawat reruai selepas merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia 2024 di Shah Alam, semalam.

(Foto BERNAMA)

# Sejuta pelajar IPTA diberi RM50 mula pelaburan ASB, ASM

## Peruntukan RM50 juta disedia jayakan program Celik Kewangan Belia MADANI

Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Farah Marshita Abdul Patah  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pemberian dana awal RM50 juta kepada sejuta pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi menjayakan program Celik Kewangan Belia MADANI.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, nilai pelaburan permulaan percuma sebanyak RM50 akan dikreditkan ke dalam akaun pelajar, termasuk institusi pengajian vokasional baharu.

Katanya, inisiatif itu bagi memastikan golongan belia merancang kewangan pada usia muda dengan menyimpan dan melabur bersama Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) walaupun selepas tamat pengajian.

“Sasaran Celik Kewangan Belia MADANI membabitkan 200,000 pelajar setahun yang dibahagikan sama rata antara Permodalan Nasional Berhad (PNB), syarikat korporat dan kerajaan.

“Separuh daripada RM50 yang diberikan setiap pelajar ini adalah sumbangan daripada kerajaan, manakala baki RM25 akan ditaja oleh PNB dan syarikat korporat lain.

“Berdasarkan mekanisme inisiatif tersebut, RM50 akan dikreditkan ke dalam akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau Amanah Saham Malaysia (ASM) pelajar IPTA, di mana nilai ini akan dikunci bagi tempoh lima tahun,” katanya, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Raja Tan Sri

Arshad Raja Tun Uda dan Presiden merangkap Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad

### Harap kerjasama kolej, IPTA

Anwar berharap kolej dan universiti akan memberi kerjasama untuk memudahkan pelaksanaan program berkenaan.

Katanya, program itu bukan sahaja program kecelikan, tetapi memenuhi satu kerangka dasar penting dalam negara iaitu mengurangkan ketidakseimbangan golongan kaya dan miskin.

“Ia juga menyelamatkan negara daripada keresahan golongan yang merasakan mereka terpinggir,” katanya.

Inisiatif Celik Kewangan Belia MADANI akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat yang diselaraskan oleh ASNB.

ASNB akan bekerjasama dengan IPTA, institusi pengajian vokasional serta penaja korporat untuk pendaftaran pelajar baharu sebagai pemegang unit ASNB dan menganjurkan kempen celik kewangan untuk pelajar.